

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 11 DISEMBER 2013 (RABU)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Chance to vie for science awards	The Star
2.	Langit Malaysia diterangi juraian hujan meteor mulai 3 hingga 17 Dis-ANGKASA	Bernamea.com
3.	Langit diterangi juraian hujan meteor	Sinar Harian
4.	Meteor Geminids terangi langit	Harian Metro
5.	Langit dihujani hujan meteor Geminids	Kosmo
6.	Anugerah pensijilan hijau Sirim	Sinar Harian
7.	Pemegang tulang buatan Malaysia	Berita Harian
8.	Gempa bumi sederhana landa Volcano Islands di Jepun	Bernamea.com
9.	Kesan negatif bencana banjir	Kosmo
10.	MAVCAP rancang labur RM80 juta 2014	Berita Harian
11.	Datin Dr Khatijah terima Anugerah Tertinggi Pendidikan Australia	Bernamea.com

# Chance to vie for science awards

## Malaysian scientists, researchers and educators invited to apply

**T**HE Malaysia Toray Science Foundation (MTSF) held its 20th Anniversary Awards and Grant Presentation at a hotel in Kuala Lumpur recently.

Established in 1993 through a RM4mil initial endowment, MTSF is a premier privately-funded charitable organisation to advance science and technology in Malaysia.

This year saw a total of 32 recipients selected for the three prestigious awards and grants totalling RM408,000.

Special guest at the presentation ceremony was **Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Ewon Ebin**.

Also present were the Japanese ambassador to Malaysia, Shigeru Nakamura, MTSF chairman Professor Emeritus Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman and Toray Japan senior adviser S. Koizumi.

In the ministerial address, Ewon thanked Toray Japan and its Malaysian subsidiary Toray Group (Malaysia) for establishing this charitable science foundation way back in 1993, under its corporate social responsibility activities with the noble objectives of promoting science and technology in Malaysia.

He noted that over the last two decades, MTSF has cumulatively expended RM8.2mil in awards and grants, which has benefitted

some 40 Malaysian scientists, 219 young researchers and 324 secondary school science educators.

For the 2014 programme, Malaysian scientists, researchers, educators and teachers are invited to apply for the awards and grants, via application forms to be distributed by January 2014 to local universities, research institutions, secondary schools and pre-university colleges nationwide.

Application closes on May 31, 2014.

The three awards and grant offered by MTSF yearly are:

- Science & Technology Award

Cash prizes of RM30,000 each to two outstanding Malaysian scientists for outstanding achievements/discoveries.

- Science & Technology Research Grant

Five to 10 research grants of up to RM60,000 each, totalling RM300,000 per year for young Malaysian researchers to do basic research works.

- Science Education Award

Fifteen cash prizes, totalling RM70,000, to Malaysian teachers of secondary schools and pre-university colleges in recognition of their innovative and effective teaching methods in science education.

For details, visit [www.mtsf.org](http://www.mtsf.org)



## Langit Malaysia Diterangi Juraian Hujan Meteor Mulai 3 Hingga 17 Dis - ANGKASA

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Langit Malaysia akan diterangi juraian hujan meteor Geminids mulai 3 hingga 17 Dis ini, menurut [Agensi Angkasa Negara \(ANGKASA\)](#) hari ini.

Dianggarkan, kira-kira 120 juraian meteor sejam dapat dilihat pada masa kemuncaknya yang bermula dari awal pagi 13 Dis hingga 14 Dis ini.

"Titik meteor Geminids adalah daripada buruj Gemini yang berada di langit Malaysia sejak September lepas hingga April tahun depan.

"Pada tahun ini, kenampakannya tidak begitu baik kerana waktu kemunculannya sama dengan fasa Bulan hampir purnama (91 peratus penuh)," demikian menurut kenyataan itu.

Mereka yang berminat menyaksikan hujan meteor boleh berbuat demikian dengan memandang ke arah timur laut selepas waktu tengah malam hingga subuh di kawasan lapang dan gelap.

Bagaimanapun, keadaan cerah langit oleh cahaya bulan akan mengehadkan kenampakan meteor kepada 50 hingga 80 meteor sejam.

Selain itu, orang ramai juga berpeluang menyaksikan planet Musytari, Marikh, Buruj Belatik, Taurus, Gemini, Cassiopeia, Pegasus, Canis, Major, Leo, Virgo dan Gugusan Bintang Tujuh (Pleiades) dengan mata kasar.

Mereka yang mempunyai teleskop juga boleh menyaksikan 'Great Orion Nebula'.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Planetarium Negara di talian 03-22734303 atau 03-22734301.

-- BERNAMA

## Langit diterangi juraian hujan meteor

KUALA LUMPUR - Langit Malaysia akan diterangi jurai-an hujan meteor Geminids mulai 3 hingga 17 Disember ini, menurut Agensi Angkasa Negara (Angkasa).

Dianggarkan, kira-kira 120 juraian meteor sejam dapat dilihat pada masa kemuncaknya yang bermula dari awal pagi 13 hingga 14 Disember ini.

"Titik meteor Geminids adalah daripada buruj Gemini yang berada di langit Malaysia sejak September lalu hingga April tahun depan.

"Pada tahun ini, kenampakannya tidak begitu baik kerana waktu kemunculannya sama dengan fasa Bulan hampir purnama (91 peratus penuh)," menurut kenyataan itu.

Mereka yang berminat menyaksikan hujan meteor boleh berbuat demikian dengan memandang ke arah timur laut selepas waktu tengah malam hingga subuh di kawasan lapang dan gelap. - Bernama

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 33**  
**TARIKH: 11 DISEMBER 2013 (RABU)**

## **Meteor Geminids terangi langit**

**Kuala Lumpur:** Langit Malaysia diterangi jurai hujan meteor Geminids mulai Jumaat ini hingga 17 Disember, menurut Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) semalam.

Dianggarkan, kira-kira 120 jurai hujan meteor sejam dapat dilihat pada masa kemuncaknya yang bermula dari awal pagi 13 Disember hingga 14 Disember ini.

"Titik meteor Geminids adalah daripada buruj Gemini yang berada di langit Malaysia sejak September lepas hingga April tahun depan.

"Pada tahun ini, kenampakannya tidak begitu baik kerana waktu kemunculannya sama dengan fasa bulan hampir purnama (91 peratus penuh)," demikian menurut kenyataan itu.

Mereka yang berminat menyaksikan hujan meteor boleh berbuat demikian dengan memandang ke arah timur laut selepas waktu tengah malam hingga subuh di kawasan lapang dan gelap.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Planetarium Negara di talian 03-22734303 atau 03-22734301.

BERNAMA

**KERATAN AKHBAR  
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 03  
TARIKH: 11 DISEMBER 2013 (RABU)**

## Langit dihujani hujan meteor Geminids

**KUALA LUMPUR** - Langit Malaysia akan diterangi juraian hujan meteor Geminids mulai 3 hingga 17 Disember ini, menurut Agensi Angkasa Negara (Angkasa) semalam.

Dianggarkan, kira-kira 120 juraian meteor sejam dapat dilihat pada masa kemuncaknya yang bermula dari awal pagi 13 hingga 14 Disember ini.

"Pada tahun ini, kenampakannya tidak begitu baik kerana waktu kemunculannya sama dengan fasa bulan hampir purnama (91 peratus penuh)," demikian menurut kenyataan Angkasa.

Mereka yang berminat menyaksikan hujan meteor Geminids boleh berbuat demikian dengan memandangkan ke arah timur laut selepas waktu tengah malam hingga subuh di kawasan lapang dan gelap.

Bagaimanapun, keadaan cerah langit oleh cahaya bulan akan menghadkan kenampakan meteor kepada 50 hingga 80 meteor sejam.

Selain itu, orang ramai juga berpeluang menyaksikan planet Musytari, Marikh, Buruj Belatik, Taurus, Gemini, Cassiopeia, Pegasus, Canis Major, Leo, Virgo dan Gugusan Bintang Tujuh (Ple-



**CONTOH** hujan meteor yang boleh disaksikan oleh rakyat Malaysia pada 3 hingga 17 Disember.

iad) dengan mata kasar.

Bagi maklumat lanjut mengenai hujan meteor Geminids, orang ramai boleh

menghubungi Planetarium Negara di talian **03-2273 4303** atau **03-2273 4301**. - Bernama

### INFO Hujan Meteor Geminid

- Hujan meteor berlaku setiap tahun dalam tempoh masa sama tetapi pada bulan Disember ia dikenali sebagai hujan meteor Geminids
- Selain hujan meteor Geminids terdapat hujan meteor jenis lain iaitu Draconid, Orionids, Leonid dan Taurid
- Hujan meteor Geminid akan menerangi langit di negara ini pada 3 hingga 17 Disember dan kemuncak pada 13 hingga 14 Disember
- Hujan meteor Geminids berlaku pada bulan Disember setiap tahun apabila bumi melintasi laluan orbit asteroid 3200 Phaethon
- Ketika itu orbit asteroid berada amat rapat dengan matahari menyebabkan ia berpecah dan meninggalkan sisa yang berkecai di laluan orbitnya
- Pada bulan Disember, serpihan-serpihan kecil komet baharu itu akan jatuh ke atmosfera bumi pada kelajuan 130.00 kilometer sejam
- Pelanggaran tersebut mengeluarkan cahaya warna-warni dan boleh dilihat dari bumi

**KERATAN AKHBAR**  
**SINAR HARIAN (KHBAR KAMPUS) : MUKA SURAT 04**  
**TARIKH: 11 DISEMBER 2013 (RABU)**

## Anugerah pensijilan hijau Sirim

**SIRIM** Berhad menganugerahkan Unisel pensijilan hijau 5-S sempena majlis Sirim Industri 2013 di Subang Jaya, baru-baru ini.

Naib Canselor Unisel, Prof Dr Anuar Ahmad, menerima sijil tersebut yang menyaksikan institusi pengajian tinggi tersebut yang pertama di Malaysia menerima sijil itu daripada Sirim.

Usaha mendapatkan persijilan ini bermula dengan pelantikan Jawatankuasa Pemandu Pensijilan Green 5S Unisel, pada 23 Januari lalu yang dipengerusikan Prof Dr Mohd Nasir Saadon. Jawatankuasa ini dianggotai kakitangan tiga jabatan di Unisel, iaitu Fakulti Sains dan Bioteknologi, pejabat kewangan serta pejabat pengurusan dan sumber manusia.

Bagi menjayakan pensijilan ini jawatankuasa serta kakitangan daripada ketiga-tiga jabatan telah menghadiri tiga kursus yang dianjurkan oleh Sirim Berhad, iaitu 5S – ke arah amalan persekitaran berkualiti (pengiktirafan pensijilan Green 5S pada Januari 2013, Audit 5S Blue Belt pada Februari 2013 dan Pengurusan, Pelaksanaan dan Pemeliharaan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S Sirim pada April 2013. Kesemua kursus ini dijalankan di kampus Unisel Bestari Jaya.

Dengan pengamalan sistem ini akan memastikan keselamatan kakitangan dan penuntut, menjimatkan tenaga elektrik dan air, mengurangkan pembaziran, menjaga keharmonian alam sekitar dan meningkatkan kualiti perkhidmatan.



Dr Anuar (dua, kanan) bersama pengurusan Unisel menunjukkan sijil yang diterima.

# Pemegang tulang buatan Malaysia

Inovasi hasil penyelidikan  
**SIRIM**, Fakulti Perubatan UIAM



MONA AHMAD

mona@th.com.my

**B**erita mengenai kemalangan jalan raya yang dipaparkan dalam media bukan lagi sesuatu yang mengemparkan. Saban hari, pasti ada laporan kemalangan jalan raya disiarkan, yang lazimnya membabitkan kecederaan teruk anggota badan dan lebih malang, nyawa turut melayang.

Kecederaan anggota badan terutama patah tulang pada kaki, tangan atau retak lutut lazimnya memerlukan rawatan pembedahan dengan memasukkan kepingan logam bagi menetapkan kedudukan tulang berkenaan untuk memudahkan proses penyembuhan.

Bagaimanapun, dengan harga kepingan pemegang tulang patah yang mahal di pasaran, pasti ia membekankan terutamanya kepada pesakit yang tidak dilindungi insurans atau ditaja majikan.

## Industri anggota palsu berkembang

Malah, mengikut analisis, pasaran industri ortopedik dunia mencecah AS\$14.7 bilion (RM47.3 bilion) dengan pasaran dunia bagi pemegang tulang patah, implan tulang belakang serta anggota palsu mencecah AS\$8.9 bilion (RM28.64 bilion). Industri ini semakin berkembang dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 13 peratus.

Justeru, menyedari kepentingan pemegang tulang patah dalam bidang ortopedik, sekumpulan penyelidik daripada SIRIM Berhad dan Fakulti Perubatan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) berjaya menghasilkan inovasi itu menggunakan bahan tempatan dan kaedah yang mampu mengurangkan pembaziran dan kos.

Projek yang diusahakan menerusi Dana Techno sebanyak RM2.1 juta daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) selama tiga tahun sejak 2009 itu turut mendapat kerjasama daripada syarikat True Mission Sdn Bhd.

Penyelidikan ini diketuai Dr Mohd Afian Omar dan dibantu Noorsyakirah Abdulah, Dr Sulaiman Abu Talib, Prof Dr Ahmad Hafiz Zulkifly, Abdul Hakim

Hashim, Norazlan Roslani, Norazilah Mohd Zainon, Bakar Meh, Mohd Nizam Abd Jalil, Ahmad Zahid Omar dan Mohd Bakri Mohd Hijazi.

Dr Mohd Afian, yang juga Penyelidik Utama, Program Bahan Kejuruteraan, Pusat Penyelidikan Bahan Termaju (AMREC) SIRIM, berkata menerusi kaedah suntikan acuan logam, pihaknya berjaya menghasilkan pemegang tulang patah yang bukan hanya murah, tetapi menepati saiz tulang orang Asia dengan kekuatan mekanikal tinggi serta diterima sel dan memenuhi standard antarabangsa.

Jika diimbau sejarah rawatan kecederaan tulang, kepingan logam sudah digunakan sebagai pemegang tulang patah sejak lebih 100 tahun lalu di negara maju, diperkenalkan oleh Lane pada 1985.


Walaupun ada kelemahan pada peringkat awal seperti kakisan dan kekuatan yang tidak mencukupi, inovasi sentiasa berkembang untuk menghasilkan alat yang terbaik bagi memastikan kadar pemulihan tulang lebih cepat.

Dr Mohd Afian berkata, stearin minyak sawit digunakan untuk mengikat serbuk logam bagi pembuatan pemegang tulang patah yang bukan hanya mesra alam, tetapi juga dapat mengurangkan keberuntungan kepada produk dari luar negara.

"Umpama pembuatan kuih samperit yang menggunakan tepung, air dan gula. Jika tiada mentega tentu sukar untuk membentuknya dalam acuan. Begitu juga kegunaan lemak sawit dalam pembuatan pemegang tulang patah. Ia berfungsi untuk memudahkan bahan itu dibentuk dalam acuan," katanya.

Katanya, apabila individu mengalami patah tulang, pemegang tulang patah akan digunakan untuk memastikan kedudukan tulang dapat diperbetulkan menerusi pembedahan dan memudahkan tulang tumbuh dan bercantum semula yang sekali gus dapat mengembalikan fungsi anggota badan seperti sedia kala.

"Ketika ini, harga satu pemegang tulang patah adalah mahal dan menjadi beban bagi mereka yang berpen-



Pemegang tulang buatan Malaysia murah dan menepati saiz orang Asia.

dapatan rendah. Dengan hanya bersaiz kecil saja harganya mencecah RM350 dalam pasaran," katanya.

Lazimnya, penghasilan pemegang tulang patah ini dibuat menggunakan mesin yang standard, yang prosesnya lebih rumit dan memerlukan masa yang lama, selain kos pemrosesan yang mahal.

Pembaziran bahan sisa turut berlaku dalam proses menggunakan mesin ini yang selalunya tidak dikitar semula kerana menambah kos.

## Sisa boleh kitar semula

Dengan kaedah baru ini yang menggunakan acuan suntikan logam, semua sisa dapat dikitar semula dan secara tidak langsung menjimatkan kos kepingan berkenaan.

Selain lemak sawit, serbuk logam tahan karat turut diadun bersama bahan plastik seperti polietilena daripada petrol, lilin serta asid stearik dalam kuantiti yang ditetapkan. Selepas dicampur, bahan itu disuntik dalam acuan tertentu berdasarkan bentuk yang dikehendaki.

Ketika ini, Malaysia masih mengimport pemegang tulang patah dari Jerman, India dan Switzerland. Kerajaan membelanjakan jutaan ringgit bagi mengimport produk itu.

Justeru, dengan adanya inovasi ini di pasaran, kos perubatan membabitkan rawatan tulang patah lebih rendah, sekali gus dapat membantu mereka berpendapatan rendah yang mengalami kemalangan, selain mampu menjadikan negara sebagai pengeluar pemegang tulang patah yang berasaskan bahan tempatan.

Bukan hanya kos, pembuatan kepingan ini menggunakan kaedah suntikan dalam acuan ini mampu menghasilkan pengeluaran dalam

masa singkat.

Kajian mendapati, dalam tempoh sejam, kira-kira 80 pemegang tulang patah bersaiz 10 sentimeter dengan enam lubang skru berjaya dihasilkan berbanding cara konvensional.

"Hasilnya, ia dapat dijual dengan harga murah dengan kualiti tinggi. Pesakit terutama yang kurang berkemampuan dan tanpa pembiayaan daripada syarikat insurans atau majikan boleh mendapatkannya dengan kos yang rendah yang sekali gus membantu mereka menikmati rawatan kesihatan lebih baik," katanya.

Antara kelebihan kaedah produk yang dipatenkan ini ialah, ia dihasilkan mengikut bentuk serta pesakit-rakyat Malaysia, selain dapat membangunkan kepakaran rakyat Malaysia dalam bidang ortopedik dan bioteknologi perubatan.

"Produk keluaran tempatan ini, sekali gus dapat menjimatkan pengeluaran wang negara keluar," katanya.

## Menang anugerah

Produk ini memenuhi piawaian antarabangsa bagi Materials Standards for Metal Injection Moulded Parts (MPIF Standard 35), Implants for Surgery - Metallic Materials Bahagian Satu (ISO 5832) dan Biological Evaluation of Medical Devices Part 5 - ujian untuk cytotoxicity dalam kaedah Vitro (ISO 10993).

Lebih membanggakan, produk ini memenangi pelbagai anugerah dalam dan luar negara, termasuk dua pingat emas di Pameran Reka Cipta Inovasi dan Teknologi Antarabangsa 2011, pingat perak di Pameran Reka Cipta Antarabangsa Seoul pada 2011, Anugerah Istimewa TIPPA, Taiwan pada tahun yang sama dan pingat emas di Pameran Bio Malaysia.



Kaedah suntikan dalam acuan menghasilkan pengeluaran dalam masa singkat.

Penggunaan bahan tempatan mengurangkan pembaziran dan kos.



Produk pemegang tulang patah buatan Malaysia memenangi pelbagai anugerah dalam dan luar negara.



BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 11 DISEMBER 2013 (RABU)



## Gempa Bumi Sederhana Landa Volcano Islands Di Jepun

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.5 pada skala Richter melanda Volcano Islands di Jepun pada 9.27 pagi ini, menurut [Jabatan Meteorologi Malaysia](#).

Gempa itu berpusat di 1,406km tenggara Hamamatsu di Jepun dan 3,302km timur laut Sandakan di Sabah.

Gempa itu tidak membawa ancaman tsunami, menurut kenyataan jabatan itu.

-- BERNAMA

## Kesan Negatif Bencana Banjir

**B**ENCANA banjir yang melanda beberapa buah negeri di negara ini sejak 3 Disember lalu telah menyebabkan beberapa kawasan terjejas dan ribuan mangsa terpaksa ditempatkan di pusat pemindahan banjir.

Situasi dijangka akan bertambah buruk ekoran ramalan berlakunya banjir gelombang kedua apabila beberapa tempat dijangka mengalami hujan sepanjang minggu ini.

Berita itu pastinya akan mendukacitakan penduduk-penduduk di Pahang, Terengganu, Kelantan dan Johor yang terjejas teruk akibat bencana alam itu. Sehingga malam 7 Disember lalu, jumlah mangsa banjir telah meningkat kepada 64,752 orang.

Di Pahang, senario banjir melibatkan daerah Kuantan, Temerloh, Jerantut, Mara, Bera, Rompin dan Lipis, manakala di Johor, kawasan-kawasan terlibat adalah Segamat, Batu Pahat, Pontian, Kota Tinggi, Kluang dan Ledang.

Di Terengganu, daerah-daerah yang mengalami banjir buruk itu ialah Kemaman, Dungun, Marang dan Hulu Terengganu. Di Kelantan, bencana itu dirasakan oleh penduduk di daerah Pasir Mas, Kuala Krai, Pasir Puteh, Tanah Merah, Machang dan Tumpat.

Jabatan Meteorologi baru-baru ini mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat jingga di kawasan Pantai Timur, terutamanya di Kelantan dan Terengganu.

"Amaran ini bermaksud kawasan-kawasan yang berada di kawasan tanah rendah akan mengalami banjir. Pada masa yang sama, amaran peringkat kuning iaitu nasihat hujan lebat telah dikeluarkan di beberapa daerah di Terengganu dan Johor," menurut satu kenyataan yang dikeluarkan jabatan berkenaan baru-baru ini.

Musibah banjir yang melanda negeri-negeri Pantai Timur, Melaka dan Johor baru-baru ini bukan sahaja menjejaskan kehidupan ribuan penduduk tetapi juga kemusnahan harta benda, meragut nyawa dan ancaman wabak penyakit.

Kenyataan itu juga memaklumkan bahawa hujan sekejap-sekejap dan kadangkala sederhana melanda utara Terengganu dan Kelantan dan menjadikan banjir di kawasan tersebut bertambah buruk.

Di Pahang, jumlah mangsa banjir yang dipindahkan ialah seramai 39,580 orang dengan Kuantan mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 34,222 orang yang ditempatkan di 38 daripada 121 buah pusat pemindahan banjir yang terlibat yang dicatat sehingga 7 Disember lalu.

Mangsa banjir di Terengganu telah dicatatkan seramai 22,040 orang dengan 18,676 orang daripada jumlah itu ditempatkan di 43 pusat pemindahan di Kemaman.

Di Kelantan, jumlah mangsa banjir ialah seramai 1,613 orang manakala di Johor seramai 1,221 orang. Di Melaka, kesemua 25 orang mangsa yang berada di pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan Parit Penghulu, Sungai Rambai, Jasin dibenarkan pulang ke rumah masing-masing ekoran banjir yang beransur pulih.

### Langkah keselamatan

Kejadian banjir ini turut membawa berita sedih apabila di Kemaman, Terengganu, seorang remaja lelaki berusia 17 tahun, Mohamad Ashraf Mohd. Nor ditemui lemas di Kampung Banggol, Ladang Pelatoh, Kijal pada Selasa lalu.

Sementara itu di Kuantan, pasukan penyelamat telah menemui mayat dua beranak, Megat Mohd. Nazi Jamali, 17, dan bapanya, Jamali Jani, 45, dua hari selepas bot yang dinaiki mereka terbalik di Sungai Isap, Rabu lalu.

Selain nasihat agar sentiasa menjaga diri ketika banjir oleh pihak-pihak berkenaan, penduduk di kawasan terlibat atau berisiko banjir turut digesa mengambil langkah berjaga-jaga untuk memelihara kesihatan.

Penyakit-penyakit berjangkit seperti kencing tikus dan campak adalah antara ancaman kepada mangsa banjir.

### ronaalam

PASANGAN pengantin baharu, Muhamad Muslim Mohamad Zuki, 20, mengendong isterinya, Saubah Osman, 18, kerana kampung mereka dinaiki air di Kampung Pusu Sireh, Lubok Setol, Kelantan.

PENDUDUK Taman Seri Puah, Terengganu mengambil kesempatan pulang untuk melihat keadaan rumah dan mengambil barangan keperluan setelah paras air beransur surut.

MUNAH ENG ABDULLAH yang uzur tinggal di dalam sebuah van di pusat pemindahan mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan Bukit Mentuk, Terengganu.



**SAMBUNGAN...  
KOSMO (INFINITI) : MUKA SURAT 33  
TARIKH: 11 DISEMBER 2013 (RABU)**

Di samping itu, orang ramai juga perlu bersedia berhadapan dengan masalah penyakit biasa seperti batuk, selesema, demam dan jangkitan penyakit kulit.

Menurut pakar pemakanan dan kesihatan awam, Pusat Pengajian Sains Kesihatan Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Wan Abdul Manan Wan Muda, jangkitan penyakit, terutamanya penyakit bawaan air adalah suatu kebiasaan semasa dan selepas musim banjir.

"Ini kerana air banjir mengandungi banyak jenis kuman seperti virus, bakteria dan parasit ekoran percampuran air hujan dengan air kumbahan.

"Sehubungan itu, mangsa-mangsa banjir seharusnya menjaga kebersihan diri demi mengelak sebarang jangkitan penyakit dan menghindar sebarang kecederaan kerana jangkitan mudah berlaku, khususnya di kawasan luka akibat kecederaan," katanya.

Beliau mengingatkan, langkah-langkah pengawalan seharusnya diberi perhatian oleh setiap individu, khususnya kanak-kanak, warga emas, wanita hamil dan pesakit yang tergolong dalam kumpulan berisiko tinggi.

Tambah Prof. Wan Abdul Manan, orang ramai diminta supaya menjaga kesihatan ketika berada di pusat pemindahan.

"Sentiasa minum dan makan makanan yang telah dimasak dengan sebaik-baiknya. Elakkan memakan makanan mentah dan menjaga kebersihan diri dan kawasan sekeliling.

"Dapatkan suntikan vaksin mengikut nasihat doktor dan rawatan segera sekiranya mengalami cirit-birit dan muntah-muntah," ujarinya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.



MANGSA banjir, Wan Saripah Omar, 55, (kanan) menyapukan bedak pada muka ibu mertuanya, Wan Mariam Abu Bakar, 65, yang menghidapi penyakit strok di Sekolah Rendah Gual Tinggi, Rantau Panjang, Kelantan.

BEBERAPA orang penduduk kampung terpaksa menaiki tembok untuk mendapatkan perlindungan daripada banjir di Kampung Batu 24, Kuala Berang, Hulu Terengganu.



كەمپونج بـاتو 24  
Kampung Batu 24

GELAGAT Mohd. Rowi Abu Bakar (kiri) bersama anaknya, Mohd. Siru Sakti bermain jet ski kawalan jauh ketika banjir di Taman Rakyat Jaya, Dungun, Terengganu.



MANGSA banjir mengambil inisiatif memasang khemah mereka sendiri untuk keselesaan di Pusat Pemindahan Dewan Majlis Sukan Negeri Dungun.

# MAVCAP rancang labur RM80 juta 2014

» Syarikat cadang terbabit hingga 10 projek dilaksana firma teknologi

Oleh Ahmad Fiesal Othman  
fsal@bh.com.my

**M**alaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP) merancang melabur antara RM70 juta hingga RM80 juta tahun depan di dalam enam hingga 10 projek yang dilaksanakan syarikat teknologi.

Ketua Eksekutifnya, Jamaludin Bujang, berkata sebagai syarikat modal teroka terbesar di dalam negara, MAVCAP akan kekal dengan komitmennya untuk memangkinkan perkembangan industri modal teroka Malaysia.

Ia bagi merangsangkan pertumbuhan syarikat teknologi, khususnya syarikat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Beliau berkata, tahun lalu, MAVCAP menyuntik pelaburan



Coote (dua dari kiri) dan Tan (kiri) pada majlis pelancaran DragonSlate Media Sdn Bhd di Kuala Lumpur, semalam. [FOTO MUHD ZAABA ZAKERIA / BH]

kepada enam syarikat membabitkan pelaburan keseluruhan berjumlah RM100 juta.

#### Labur setiap tahun

"Setiap tahun kami akan melabur dalam enam hingga 10 projek syarikat teknologi," katanya kepada media pada majlis pelancaran DragonSlate Media Sdn Bhd di Kuala Lumpur, semalam.

DragonSlate Media ialah sya-

rikat usaha sama baru yang ditubuhkan menerusi kerjasama penerbit-pembiaya kewangan veteran Hollywood yang juga bekas Ketua Eksekutif Village Roadshow Pictures, Greg Coote dengan penerbit Malaysia, Leon Tan.

Tan dan Coote masing-masing memegang 45 peratus saham dalam DragonSlate Media, manakala bakinya dipegang MAVCAP.

Syarikat itu menerima pela-

buran sebanyak RM10 juta dari MAVCAP yang akan dikeluarkan secara berperingkat selama tiga tahun mulai 2014.

DragonSlate Media merancang untuk membina syarikat produksi media bertaraf dunia di negara ini dengan menerbitkan filem dan projek TV bernilai jutaan dolar Amerika Syarikat (AS) yang dihasilkan sebahagian besarnya di Malaysia menerusi penerbit

dan rakan kongsi utama antarabangsa.

Jamaludin berkata, pelaburan untuk DragonSlate Media itu adalah yang keempat oleh MAVCAP membabitkan syarikat industri kreatif tahun ini dan ia adalah pelaburan peringkat permulaan.

#### Ambil langkah proaktif

Beliau berkata, MAVCAP sentiasa mengambil langkah proaktif untuk membantu syarikat ICT berpotensi untuk membangunkan perniagaan selaras komitmennya untuk memenuhi tanggungjawab membantu meningkatkan jumlah syarikat ICT tempatan bagi menjaga ekonomi negara.

"Untuk pelaburan ini (dalam DragonSlate Media), kami menjangkakan pulangan pelaburan antara 15 peratus hingga 20 peratus dalam tempoh tiga tahun," katanya.

Sementara itu, Tan yang juga Pengarah Eksekutif DragonSlate Media, berkata syarikat itu merancang menerbitkan dua atau tiga filem tahun depan.

"Filem yang akan kami terbitkan adalah menggunakan bahasa Inggeris dengan menyasarkan pasaran antarabangsa," katanya.



## **Datin Dr Khatijah Terima Anugerah Tertinggi Pendidikan Australia**

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- [Datin Paduka Dr Khatijah Yusoff, bekas Timbalan Ketua Setiausaha \(Sains\) di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi](#), menerima Anugerah Pencapaian Pendidikan Australia 2013.

Khatijah, alumni La Trobe University, Melbourne, merupakan seorang daripada tiga penerima anugerah yang disampaikan Malaysian Australian Alumni Council (MAAC) di jamuan gala di JW Marriott Hotel di sini Isnin malam.

Anugerah Usahawan Muda Australia diraih Hong Yi, seorang artis-arkitek, lulusan University of Melbourne. Anugerah Bahagian Alumni Australia dimenangi Lai Tze May, seorang alumni University of Newcastle, yang menubuhkan alumni alma mater beliau di Malaysia.

Kesemua anugerah berkenaan disampaikan bersama oleh Presiden MAAC Pat Yeoh dan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia Miles Kupa.

"Kami menerima lebih 30 pencalonan. Nama 12 calon terbaik diserahkan kepada Suruhanjaya Tinggi Australia yang memilih finalis," kata Teoh, lepasan University of New England.

Satu lagi kemuncak malam gala itu, yang dihadiri lebih 400 jemputan, adalah pelancaran beberapa siri log video (vlog) tentang kejayaan alumni Malaysia Australia.

Setiap vlog memaparkan kejayaan warga Malaysia yang secara jujur berkongsi pengalaman mereka mengikuti pengajian di Australia dan bagaimana ia melakar kerjaya mereka. Vlog berkenaan akan dimuatkan dalam laman web MAAC minggu depan.

MAAC adalah pertubuhan kebangsaan persatuan alumni pengajian tinggi Australia di Malaysia.

Pertubuhan itu bermatlamat memberi kemudahan kepada alumni Malaysia Australia dalam tiga bidang teras -- hubungan alumni, pendidikan dan kebajikan, serta hubungan dua hala. Laman webnya adalah [www.emaac.org](http://www.emaac.org).